

24/10/2002

Kajian perubatan herba perlu sistematik

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sudah tiba masanya penyelidikan perubatan herba dijalankan secara sistematik, terutama bagi mengubat kanser kerana Malaysia kaya dengan kepelbagaian tanaman herba.

Perdana Menteri berkata, penyelidik perlu bersungguh-sungguh kerana jika gagal, kemungkinan tumbuhan herba yang dapat mengubati kanser akan ditemui orang dari negara lain.

Katanya, sesiapa saja termasuk dari negara lain akan menemui tumbuhan herba yang dapat mengubati kanser dan mempatenkannya sebagai harta intelek mereka walaupun tumbuhan itu ditemui di negara ini.

"Mereka kemudiannya mengaut keuntungan daripada penemuan itu. Sebagai contoh, tumbuhan `periwinkle' yang sebenarnya ditemui di Madagascar tetapi orang lain membangunkan tumbuhan itu untuk mengubati sesetengah kanser dan Madagascar tidak dapat apa-apa," katanya ketika melancarkan Yayasan Inisiatif Penyelidikan Barah (Carif) di sini, malam ini.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding; Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng; Pengerusi Lembaga Amanah Carif, Tunku Tan Sri Ahmad Tunku Yahaya dan Ketua Eksekutif Carif, Dr Teo Soo-Hwang.

Carif yang ditubuhkan Januari tahun lalu dan bukan pertubuhan menumpukan keuntungan, memberi tumpuan kepada penyelidikan kanser untuk manfaat rakyat selain meneroka potensi tumbuhan tempatan untuk menghasilkan ubat kanser.

Organisasi penyelidikan itu yang bertempat di Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC), ditaja Yayasan Lim, Petronas, Lembaga Totalisator Malaysia dan Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (Bakti).

Dr Mahathir berkata, kepelbagaian biologi di Malaysia boleh digunakan untuk menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan ubat yang dapat mengubat kanser.

Berikutan kesedaran itu, katanya, kerajaan Malaysia kini tidak lagi membenarkan herba tempatan dibawa keluar dari negara ini.

"Bagaimanapun kerajaan mengalu-alukan ahli sains dan penyelidik asing untuk menjalankan penyelidikan mereka dalam negara ini terutama dengan penubuhan lembah bio di Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya.

Mengenai Carif, Dr Mahathir berkata, sektor swasta dan syarikat yang besar perlu menyokong pertubuhan itu daripada segi kewangan bagi membolehkannya melaksanakan penyelidikan lebih cepat menggunakan lebih ramai penyelidik.